

KUNJONGAN PESUROH JAYA TINGGI

BANDAR BRUNEI. — Pesuroh Jaya Tinggi British di-Persekutuan Tanah Melayu, Sir Geofroy Tory telah menamatkan lawatannya ka-Brunei pada hari Sabtu lepas sa-telah berada di-sini sa-lama empat hari.

Sir Geofroy telah datang bersama isteri-nya Lady Tory dan telah menginap di-umah Pesuroh Jaya Tinggi British di-Brunei, Yang Terutama Tuan D.C. White.

Lawatan itu di-adakan sa-chara tidak rasmi.

Sir Geofroy telah di-ra'ikan oleh Duli Yang Maha Mulia di-Istana Darul Hana dengan satu majlis yang di-hadiri oleh pembesar2 negeri dan ahli2 majlis2 meshuarat.

Sa-lama berada di-sini Sir Geofroy telah mengambil kesempatan melawat Mesjid Omar Ali Saifuddin, tukang2 perak Melayu dan pantai Jerudong pada 9 March.

Beliau telah juga sempat melawat ka-Temburong dan telah menghabiskan sa-hari melawat kawasan perusahaan minyak di-Seria pada 11 March.

Dalam satu ucapan yang telah di-rakamkan oleh Radio Brunei sa-belum balek ka-Malaya Sir Geofroy berkata :

"Semenjak kami sampai di-Malaya hampir tiga tahun dahulu kami telah berchita2 hendak melihat negeri ini.

"Kami berasa gembira apabila Duli Yang Maha Mulia sa-masa kami berjumpa di-istiadat kemahkotaan Sultan Johor sa-

Pengarah jadi ahli majlis

BANDAR BRUNEI. — Tuan P.M. Linton, Managing Director sharikat minyak Brunei Shell Petroleum telah di-lantek oleh Duli Yang Maha Mulia menjadi sa-orang ahli Majlis Meshuarat Negeri.

Duli Yang Maha Mulia telah juga memperkenankan lantekan Tuan Linton sa-bagai sa-orang ahli Majlis Meshuarat Kerajaan.

Lantekan Tuan Linton itu berjalan kuatkuasanya dari 2 March, 1960.

minggu dua dahulu menjemput kami datang ka-Brunei.

"Kami telah mengikuti dengan penoh minat kemajuan perlembagaan yang telah di-chapai oleh

Brunei dan telah banyak mendengar kejayaan kerajaan Duli Yang Maha Mulia di-lapangan saperti kebajikan masharakat.

Sir Geofroy telah mensifatkan mesjid Omar Ali Saifuddin yang indah itu sa-bagai simbol kekuatan ugama di-negeri ini.

"Dengan apa yang kami telah lihat kami akan balek dengan pandangan yang lebeh jelas mengenai rupa Negeri Brunei dan juga dengan ingatan bahawa orang2 yang kami berjumpa di-sini semua-nya ramah tamah dan baik budi bahasa-nya.

SUMBU BEDIL DAN GELIGNITE HILANG DI-TEMPAT SIMPANAN

BANDAR BRUNEI. — Sembilan puluh batang gelignite telah di-adukan kepada Polis sa-bagai hilang dari tempat persembunyiannya di-Berakas Road di-sini.

Gelignite itu di-punyai oleh sharikat Chun Yip.


Keratan gelignite itu ia-lah 4 inchi panjang dan ½ inchi bulat dan di-bungkus dengan kertas minyak berwarna merah tua dengan kenyataan yang bertulis merah.

Gelignite ia-lah ubat bedil yang sangat merbahaya. Orang yang menyimpan atau terjumpa dengan gelignite itu hendaklah memberi tahu Polis dengan segera.

Untuk keselamatan jangan di-biarkan puntong rokok atau api yang terdedah dekat ubat bedil tersebut.

Sa-lain dari gelignite itu sumbu 300 kaki lebeh kurang panjangnya telah juga hilang.

Sumbu itu hitam warna-nya dan bulat saperti pencil. Ia mengandongi ubat bedil dan tidak boleh di-dedahkan dekat puntong rokok atau api.



Duli Yang Maha Mulia beramah tamah dengan Sir Geofroy Tory Pesuroh Jaya Tinggi British di-Persekutuan Tanah Melayu.

Brunei jadi ahli ECAFE

BANDAR BRUNEI. — Empat orang pegawai tinggi Kerajaan Brunei telah berlepas ka-Bangkok (Siam) pada 3 March ini kerana mewakili Brunei dalam persidangan ECAFE atau Suruhanjaya Ekonomi Asia dan Timor Jauh.

Perwakilan itu diketuai oleh Menteri Besar, Yang Amat Berhormat Dato Haji Ibrahim bin Jahfar. Ahli2-nya ia-lah Yang Berhormat Inche Hamidoon bin Awang Damit, Tuan Chua Kwang Soon dan Inche Sunny bin Amat.

Inche Sunny telah juga di-rugaskan menjadi setiausaha perwakilan.

Dalam persidangan yang di-mulakan pada 9 March Kerajaan United Kingdom telah mengeshorkan supaya Brunei menjadi ahli bersekutu ECAFE yang berasingan dari Singapura, Sarawak dan Borneo Utara.

Sa-belum Brunei mendapat kerajaan memerintah sendiri dalam bulan September tahun lepas negeri ini telah menjadi ahli bersekutu bersama Singapura, Sarawak dan Borneo Utara.

Perwakilan itu di-jangka akan balek ka-Brunei pada 24 March.

WAKTU BERBUKA PUASA

BANDAR BRUNEI. — Waktu berbuka puasa dari hari ini hingga chukup puasa ada-lah saperti berikut :

March 16, 17, 18, 19, 20, 21—pukul 6.34 petang.

March 22 hingga akhir Ramadan—pukul 6.33 petang.

Waktu di-atas ia-lah bagi daerah2 Brunei, Tutong dan Temburong. Waktu berbuka di-tambah tiga minit bagi daerah Belait-Seria.

29 LULUS PEPEREKSAAN CAMBRIDGE

BANDAR BRUNEI. — Sa-ramai 29 orang penuntut2 Brunei telah lulus dalam peperiksaan Cambridge School Certificate yang di-adakan pada hujung tahun lepas.

Antara chalon2 yang berjaya itu hanya empat orang sahaja penuntut Melayu. Mereka itu semua-nya mendapat sijil bahagian ketiga.

Sa-orang penuntut private, Md. Hussin bin Mohammad telah lulus sa-bahagian peperiksaan dengan mendapat kepujian dalam bahasa Inggeris dan berchakap Inggeris.

Sa-orang penuntut private lagi, Balwant Singh, telah lulus mendapat sijil bahagian ketiga.

Lima orang dari chalon2 yang lulus itu mendapat sijil bahagian pertama. Empat orang daripada mereka ia-lah penuntut2 sekolah

St. Michael School, Seria dan sa-orang penuntut SOAS College, Bandar Brunei.

Sijil bahagian kedua di-dapati oleh 11 orang penuntut, tujuh dari SOAS College dan empat dari St. Michael.

Penuntut2 yang telah berjaya itu ada-lah seperti berikut :—

SOAS College: Yapp Kai San (1), Donald Chin (2), Gerard S.S. Hu (2), Job Lim (2), Juliana Koo (2), Lim Eng Ming (2), Paula Chen (2), Vincent Khoo (2).

Abdullah bin Haji Md. Jaafar (3), Chong Kow Tze (3), Leong Seong Cheong (3), Lim Ai Fang (3), Lim Siok Tin (3), Mohammad Ali bin Bakar (3), Mohammad Salleh bin Hidup (3), Sheila Janardanan (3) William Hottinger (3) dan Zakariah bin Jeneh (3).

St. Michael: Chen Kuai Fah (1), Ooi Hoon Pak (1), Patrick Thane (1), Cynthia Virdi (1), Han Jute Nair (1), Melvyn Newman (2), Ooi Hoon Chee (2), Patrick Yapp (2) dan Rita Wong Su Kee (3).

DERMASISWA PERTADBIRAN KA-AUSTRALIA



Sa-orang kaki tangan Pejabat Imigresen Brunei, Inche Yahya bin Mohamed Yusof, telah berlepas ka-Australia pada hujung bulan lepas untuk mempelajari Ilmu Pertadbiran di-Sydney.

Inche Yahya berumur 25 tahun telah di-peranakan di-Tutong dan telah mendapat pelajaran Inggeris di SOAS College, Bandar Brunei.

Beliau telah berkhidmat dengan kerajaan sa-lama 2½ tahun. Sa-belum di-tukarkan ka-Pejabat Imigresen telah berkhidmat di-Pejabat Sukat, Bandar Brunei.

Pertunjukan tarian Hawaii



Penduduk2 negeri ini akan dihiborkan dengan tarian Hawaii oleh sa-orang penari Hawaii yang di-jadualkan datang ka-sini menjelang penduduk2 negeri ini menyambut Hari Raya Puasa.

Penari itu ia-lah Puan Concha Hughes yang akan mempertunjukkan tarian Hawaii-nya di-Bandar Brunei dan Kuala Belait.

Puan Concha akan datang kadewan Civic Centre, Bandar Brunei pada 29 March sa-telah mempertunjukkan tarian Hawaii di-Kuala Belait pada 28 March.

Lawatan Gabnor Sarawak

BANDAR BRUNEI.—Gabnor baharu Sarawak, Sir Alexander Waddell bersama isteri-nya, Lady Waddell, telah singgah di-Brunei pada hari Khamis lepas dalam perjalanan-nya melawat Bahagian Kelima, Sarawak.

Sa-masa berada di-Brunei Sir Waddell telah mengadap Duli Yang Maha Mulia di-Istana Darul Hana.

Sir Waddell telah di-lantek menggantikan Dato Paduka Sir Anthony Abell yang telah bersara.

DI-BEBASKAN DARI TUDOHAN MEMALSU SURAT KEBENARAN

BANDAR BRUNEI. — Sa-orang China tua telah di-bebaskan dari tuduhan memalsu oleh Stipendiary Magistrate, Tuan R.G.P.N. Combe di-mahkamah di-sini dalam minggu lepas.

Tuan Combe berpendapat bahawa pehak penda'wa tidak memberi keterangan yang cukup untuk yang menunjukkan orang itu kena mengena dengan tuduhan itu.

Chong Sam Huat telah di-tudoh menggunakan sa-chara palsu suatu surat, ia-itu kebenaran tinggal, yang di-perchayai-nya ia-lah satu surat yang palsu.

Tatkala membebaskan Chong Tuan Combe berkata bahawa ada perkara yang di-shaki dalam hal itu tetapi ia tidak boleh menjalankan perbicharaan atas shak sahaja.

Inche Salleh bin Othman berkata bahawa ia telah menerima satu senarai nama2 penuntut2 sekolah China Chung, Bandar Brunei yang telah di-pindahkan ka-sekolah SOAC College.

Apabila ia menyemak senarai itu di-dapati-nya surat kebenaran tinggal bagi anak yang di-tudoh itu mengandongi tarikh beranak yang telah di-ubah.

Tahun 1946 telah di-ubah menjadi 1947, kata Inche Salleh.

Tuan T. Mackie, Pengelola Imigresen berkata bahawa sa-telah menyemak kandungan surat kebenaran tinggal itu di-dapati tahun anak yang di-tudoh itu peranakan ia-lah tahun 1946.



Penuntut2 dari Brunei, Sarawak dan Borneo Utara di-Canada bergambar dengan Tuan Philip Jones, bekas Pegawai Penerangan Negeri Sarawak sa-masa beliau melawat ka-Canada baharu2 ini. Dalam gambar ini kelihatan dua orang penuntut Brunei: Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail (duduk, kanan) dan Inche Ajmain bin Abdul Razak (berdiri, number tiga dari kanan).

Jamuan untuk orang2 salah

BANDAR BRUNEI. — Orang2 salah di-penjara Jerudong dan orang2 sakit di-rumah sakit akan di-jamu dengan makanan dan kueh2 kerana menyambut hari raya puasa yang akan datang ini.

Jamuan itu akan di-sampaikan oleh ahli2 jawatan kuasa derma hari raya tahun 1960 sa-hari sa-belum hari raya.

Dalam satu meshuarat di-Bandar Brunei yang di-pengerusikan oleh pegawai daerah Brunei Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Ahmad, jawatan kuasa itu telah juga bersetuju menghadiahkan makanan untuk sa-hari berbuka puasa kepada orang2 salah Islam di-penjara tersebut.

Banduan2 Islam yang sa-ramai 23 orang itu telah merayu melalui pengelola penjara bahawa mereka itu ingin benar mendapat sarapan yang istimewa itu dalam bulan puasa.

Sementara itu jawatan kuasa tersebut telah mengeluarkan surat2 pekefiling meminta derma daripada orang2 persaorangan dan sharikat2 perniagaan.

Derma itu akan di-gunakan untuk membeli bahan2 makanan dan kueh2 yang akan di-hadiahkan kelak.

Ketetapan Hari Raya

Jika anak bulan kelihatan pada petang 27 March 1960 Hari Raya jatuh pada 28 March, kalau tidak Hari Raya jatuh pada 29 March.

PERADUAN MENENTUKAN JOHAN BIDUAN, BIDUANITA

BANDAR BRUNEI. — Delapan orang, empat orang laki2 dan empat orang wanita telah di-pilih untuk mengambil bahagian dalam peraduan akhir bintang radio seluruh Negeri Brunei tidak berapa lama lagi.

Peraduan itu akan di-langsungkan di-dewan Civic Centre, Bandar Brunei pada malam 30 March ini sa-bagai satu ranchangan sambutan Hari Raya Aidilfitri.

Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Hassanal Bolkiah, harus akan menyampaikan hadiah2 kepada biduan dan biduanita yang berjaya dalam peraduan tersebut.

Ini-lah kali yang pertama peraduan itu di-adakan di-Negeri Brunei. Pada masa sambutan Hari Raya Aidilfitri tahun sudah, Radio Brunei telah menganjorkan peraduan Bintang Harapan Radio Brunei.

PERADUAN AKHIR

Sabehum di-adakan peraduan akhir bintang radio seluruh Negeri Brunei, pehak Radio Brunei telah mengadakan peraduan2 pemilihan johan dan naib bagi station Radio Brunei di-Bandar Brunei dan di-Kuala Belait.

Sa-ramai 96 orang, ia-itu 70 orang laki2 dan 26 orang perempuan telah masuk bertanding dalam peraduan pemilihan yang pertama di-station Bandar Brunei.

Di-station Kuala Belait pula, sa-ramai 50 orang, yang terdiri dari 40 orang laki2 dan 10 orang perempuan telah masuk bertanding dalam peraduan pemilihan itu.

Di-antara peserta2 dari Kuala Belait dan Bandar Brunei yang masuk bertanding dalam peraduan2 pemilihan2 tersebut, hanya empat orang sahaja telah di-pilih dalam peraduan akhir bintang radio, station Bandar Brunei dan empat orang dalam peraduan akhir bintang radio, station Kuala Belait.

SELUROH NEGERI

Peserta2 yang berjaya di-pilih untuk bertanding dalam peraduan akhir seluruh negeri ini pada penghujung bulan ini di-Dewan Civic Centre ada-lah seperti berikut.

Bahagian laki2: H.B. Adnani, (Johan Daerah Brunei), Mohamad Ali bin Haji Paun (Johan, Daerah Kuala Belait), H.M. Allen (Naib Johan, Daerah Brunei) dan Alias (Naib Johan, Daerah Kuala Belait).

Bahagian Wanita: Sahara binti Ahmad (Johan, Daerah Brunei), Norjana binti Mohamed Noor (Johan, Daerah Kuala Belait), Hamidah binti Awang Damit (Naib Johan, Daerah Brunei) dan Rashidah binti Haji Sabli (Naib Johan, Daerah Kuala Belait).

Penyanyi2 yang telah di-pilih untuk merebutkan gelaran Bintang Radio Seluruh Negeri Brunei Tahun 1960, bahagian laki2 dan wanita, sudah pun terkenal di-kalangan peminat2 lagu2 Melayu.

7 ORANG PENGADIL

Siapa-kah akan berjaya dalam peraduan2 tersebut akan terpujang kepada keputusan para pengadil.

Tujuh orang ahli2 seni suara akan mengadakan peraduan tersebut, tiga orang dari Daerah Brunei, tiga orang dari Daerah Kuala Belait dan sa-orang dari Radio Brunei.

Sahara Ahmad yang telah di-pilih menjadi johan dalam peraduan bintang radio daerah Brunei, ada-lah sa-orang penyanyi yang telah berjaya memenangi beberapa gelaran johan menyanyi di-berbagai2 temasha di-Bandar Brunei.

Johan Bintang Radio, daerah Kuala Belait, Norjana binti Mohamed Noor juga mempunyai harapan baik untuk menyandang gelaran johan bintang radio bagi seluruh Negeri Brunei.

Norjana berasal dari Sarawak dan telah di-pilih menyandang gelaran bintang harapan radio Sarawak tahun 1958. Ia biasa mengambil bahagian dengan pasokan Gendang Melayu Sarawak yang sering kali bermain melalui Radio Sarawak.

BINTANG RADIO

Hamidah binti Awang Damit, naib johan bintang radio daerah Brunei ia-lah sa-orang penyanyi Puspas Ragam Orkest yang terkenal dengan suara-nya yang lemak merdu.

Rashidah binti Haji Sabli, Naib Johan Bintang Radio Daerah Kuala Belait, pula tidak-lah payah di-kenalkan kepada pendengar2 Radio Brunei.

Suara-nya pernah di-dengar dari Radio Brunei, sa-bagai biduawinta Studio Orkest Seni Me-

(Lihat muka 7)



Sahara binti Ahmad (kanan), johan bintang radio daerah Brunei dan Norjana binti M. Noor, johan Kuala Belait. Mereka menaruh harapan menjadi johan bagi seluruh negeri.



Para peserta bintang radio daerah Brunei (atas), daerah Belait (bawah) bergambar ramai dengan anggota2 Radio Brunei yang telah mengelolakan peraduan tersebut.



Sa-bahagian dari para penuntut bintang radio daerah Brunei yang telah datang ka-dewan Civic Centre

URAI MEMBANCHI PENDUDOK2 NEGERI BRUNEI

Tujuan banchi bukan hanya untuk mengetahui bilangan penduduk2 sa-suatu negeri. Ianya di-jalankan untuk mendapat berbagai2 keterangan yang perlu di-jadikan panduan dalam rancangan2 kemajuan dan perkembangan negeri.

Pembanchi2 itu akan bertanya dan menchatetkan antara lain2 dalam borang banchi kenyataan2 seperti sama ada orang itu laki2 atau perempuan, umur-nya dan sama ada ia kanak2 atau orang tua.

BILANGAN KANAK2

Dengan jalan bagini dapatlah di-ketahui bilangan laki2 dan perempuan dalam sa-kian garisan umur dan kanak2 laki2 dan perempuan, dan sama ada mereka itu pandai menulis dan membaca dan bahasa2 yang boleh mereka bertutor.

Bangsa2 akan juga di-chatetkan.

Dalam banchi tahun 1931 mithal-nya sa-ramai 30,135 orang telah di-hitong menduduki negeri ini. Mereka itu terbahagi kapada bangsa2 Eropah, Serani, Melayu, Tutong, Dayak Laut, Kedayan, Murut, Dusun, Belait, China, Indian, Jawa dan lain2 bangsa Asia.

Tetapi apabila banchi di-adakan lagi dalam tahun 1947 beberapa bangsa atau puak lain telah di-ketahui tinggal di-negeri ini dari kenyataan dalam penyata banchi tahun itu.

BANGSA DAN PUAK

Bangsa2 dan puak yang dikatakan tidak ada dalam banchi yang terdahulu telah munchul dalam banchi tahun 1947. Antara-nya ia-lah Melanau, Dayak Darat, Bisayah, lain2 puak asli Borneo, Punan dan Ceylon.

Banchi tahun itu menunjukkan bahawa bilangan penduduk2 negeri ini telah bertambah sa-banyak 10,535 menjadi 40,670 orang dalam masa 16 tahun.

Banchi itu juga menunjukkan jumlah tambahan atau kekurangan bagi satu2 puak atau bangsa.

Bangsa Melayu dalam tempoh itu hanya bertambah 1,913 orang dari jumlah 16,748, Kedayan 852 dari 6,723 manakala China bertambah 6,630 dari jumlah 8,313 orang.

Banchi tahun 1947 itu juga menunjukkan bahawa jumlah puak Tutong telah berkurangan sa-banyak 302 orang dari 2,431 orang dalam masa 16 tahun.

85,000 PENDUDOK

Penduduk2 negeri ini dalam tahun ini ada-lah di-anggarkan lebeh dari 85,000 orang atau lebeh dari dua kali ganda ramainya dari jumlah yang di-ketahui 13 tahun dahulu.

Anggaran ini ia-lah hasil dari usaha Pejabat Perubatan mendaftar sa-chara terator beranak

Pada hujung tahun ini kita akan mengetahui bilangan penduduk2 negeri ini dengan membanchi atau menghitong mereka di-rumah masing2 pada suatu hari yang di-tetapkan.

Hari banchi di-Brunei ia-lah 10 August 1960, tetapi sebelum itu rumah2 akan di-beri nombor sa-bagai permulaan dalam kerja membanchi.

Beberapa orang penombor rumah akan keluar dari pejabat pengelola banchi di-Bandar Brunei, Tutong, Temburong dan Belait kerana menjalankan tugas ini pada 28 April.


Mereka itu akan pergi ka-pendalaman negeri, ka-bandar, kampong2 dan di-mana juga rumah telah di-dirikan di-negeri ini. Satengah2 dari mereka itu akan berjalan kaki melalui hutan, mendaki bukit dan gunung, berbasikal dan menggunakan lain2 kenderaan untuk mengunjongi rumah2 dalam kawasan mereka.

dan mati yang telah di-selenggarakan-nya semenjak beberapa tahun dahulu.

Dari sa-tahun ka-satahun penduduk2 negeri ini telah bertambah dan mengikut anggaran Pejabat Perubatan ia-lah 65,865 (1956), 74,646 (1957), 80,277 (1958) dan 85,277 (1959).

matian banyak berlaku dan penduduk2 tiada kemampuan menyara keluarga2 yang besar kerana kesusahan mendapat makanan.

Keadaan in berubah sa-lepas perang. Perusahaan minyak telah di-puleh dan di-besarkan dan Brunei mula-lah menem-



Graph di-atas menunjukkan kenaikan bilangan penduduk Negeri Brunei dari tahun 1931.

Ada beberapa perkara yang menyebabkan bilangan penduduk2 sa-suatu negeri itu bertambah dengan chepat tiap2 tahun.

Yang pertama-nya ia-lah berlebehan beranak dari mati yang di-sebabkan oleh berbagai2 keadaan dalam negeri. Sa-lepas itu perkahwinan sa-masa umur maseh rendah, kemewahan, kesihatan dan kemudahan mendapat kerja.

KEMUDAHAN KERJA

Kemudahan mendapat kerja biasa-nya menarek kedatangan orang2 dagang dan yang demikian menambah lagi penduduk2 negeri itu.

Dari graph yang di-atas dapatlah di-pastikan bahawa penduduk2 negeri ini boleh-lah dikatakan tidak bertambah sama hampir 16 tahun dari tahun 1931.

Pada masa itu Brunei tidak bagitu mewah dan peluang orang2 dagang mendapat kerja hampir tidak ada langsung oleh sebab perusahaan yang memerlukan tenaga mereka tidak di-dapati di-negeri ini.

Sa-lepas itu negeri ini menempoh kesusahan perang. Ke-

poh zaman kemewahan yang bukan sahaja menjamin pekerjaan kapada orang2 dagang yang datang ka-sini tetapi juga membolehkan negeri ini melancarkan rancangan2 kesihatan yang menjamin keselamatan hidup.



Tuan Matnor McAfee.

Kejayaan rancangan kesihatan itu boleh di-perhatikan dari angka2 yang berikut :

Bagi tiap2 1,000 orang kanak2 yang di-lahirkan dalam

tahun 1947 133 orang telah mati tetapi dalam tahun 1958 hanya 88.88 orang sahaja kanak2 yang mati.

Kematian segala perengkat penduduk ia-lah 20 orang bagi tiap2 1,000 orang dalam 1947 dan 11 orang dalam tahun 1958.

Dan dalam tahun 1958 56.79 orang ibu melahirkan anak bagi tiap2 1,000 orang berbanding dengan 45.59 dalam tahun 1947.

Angka2 itu semua-nya membuktikan bahawa keadaan sa-makin lama sa-makin baik.

MUSTAHAK DI-ADAKAN

Dan kebenaran anggaran Pejabat Perubatan itu akan di-uji oleh banchi yang akan di-jalankan itu kelak.

Dari segi pemerentahan banchi penduduk2 mustahak di-adakan kerana hendak menimbangkan rancangan2 kemajuan dan perkembangan negeri. Kerajaan perlu mengetahui di-mana dalam negeri penduduk2-nya ramai di-dapati.

Kilang2 baharu, sekolah2, pasar dan rumah sakit akan di-bena di-kawasan2 yang di-ketahui ramai penduduk2-nya dan memerlukan kemudahan2 itu.

Dalam borang2 banchi itu akan juga di-chatetkan sama ada orang itu bekerja atau menganggor. Pekerjaan dan kelayakan sa-orang itu akan juga di-chatetkan.

10 TAHUN SA-KALI

Kerja membanchi penduduk sa-suatu negeri itu biasa-nya di-adakan 10 tahun sa-kali dan sa-patut-nya telah di-jalankan dalam tahun 1957.

Akan tetapi oleh sebab hendak mendapatkan persamaan dengan negeri2 lain kerja itu telah di-undorkan 3 tahun kemudian sa-hingga sampai pada tahun yang berakhir dengan sipar mengikut peratoran yang telah di-tetapkan oleh Bangsa2 Bersatu.

Kerana menjalankan kerja membanchi yang di-tetapkan pada 10 August akan datang ini orang2 yang tertentu akan dilantek di-tiap2 daerah.

Tiap2 sa-orang daripada mereka itu akan di-tugaskan melawat sa-kumpulan rumah.

SEGALA KENYATAAN

Mereka itu akan menchatetkan berapa ramai-kah orang yang mendiami sa-sabua rumah, berapa orang kanak2, umur mereka dan pandai-kah penduduk2 itu membaca dan menulis dan sa-bagai-nya.

Segala kenyataan yang di-dapati itu kelak akan di-rahsaikan. Pegawai2 banchi ada-lah di-larang oleh undang2 membochorkan sa-barang keterangan yang mereka ketahui melalui banchi.

(Lihat muka 5)

Penyakit lumpoh serang 11 kanak2

KUALA BELAIT.—Sa-belas orang kanak2 telah di-masokkan ka-rumah2 sakit di-sini kerana di-serang oleh penyakit lumpoh. Kanak2 itu semua-nya dari daerah Belait-Seria.

Mereka itu telah di-masokkan ka-rumah sakit dalam masa dua minggu yang lalu dan keadaan mereka ada-lah makin lama makin baik.

Dalam satu siaran pegawai perubatan negeri, Dr. M. T. Read berkata:

“Tiada orang lain yang di-dapati menghidap penyakit itu semenjak beberapa hari ini. Adalah di-harapkan bahawa wabak itu telah berkurangan.”

Untuk menchegeh penyakit itu, pejabat perubatan sharikat minyak Brunei Shell dan pejabat perubatan kerajaan sedang bekerjasama mengubati orang2 yang di-serang oleh penyakit tersebut.

Pada masa ini pejabat perubatan tidak memikirkan mustahak mengambil langkah2 istimewa untuk mengawal penyakit itu tetapi orang ramai ada-lah dinasihatkan supaya berjaga2 tentang kebersihan badan, mangkok

minum, pinggan makan, sudu dan lain2 perkakas dapur.

Barang2 makanan hendak-lah di-jaga dari di-hinggapi oleh lalat.

Siaran itu sa-terus-nya berkata:

“Penyakit itu biasa-nya bermula dengan demam, sakit kepala, tegang pada belakang dan leher dan kadang2 lemah urat.

“Orang dewasa dan kanak2 yang ada salah satu dari tanda2 ini hendak-lah di-bawa berjumpa doktor.”

Tudohan bunoh

SERIA. — Sa-orang laki2 Iban, Medan anak Jangat telah di-tudoh di-mahkamah di-sini membunoh sa-orang laki2 Iban di-Ulu Belait dalam minggu lepas.

Laki2 Iban yang telah terbunoh itu, Nasrat, dari Bidadang Ulu Belait di-katakan telah mati oleh sebab kena tembak.

Medan sekarang ada dalam tahanan polis.

RANCHANGAN BANCHI TAHUN 1960

(Dari muka 4)

Untuk membantu pegawai2 reka penduduk2 negeri ini adalah di-minta memberi kerjasama mereka pada hari yang di-banchi menjalankan tugas menetapkan.

Sa-belum itu tuan2 rumah ada-lah di-minta supaya jangan merosakkan nombor2 yang telah di-beri pada rumah masing2.

Pejabat Banchi Negeri Brunei di-ketuai oleh Tuan Matnor (Patrick) McAfee sa-bagai Superintendent. Beliau di-bantu oleh 4 orang Penolong Superintendent yang terdiri dari pegawai2 daerah Belait, Tutong, Brunei dan Temburong.

Lain2 pegawai yang mustahak bagi pejabat itu ia-lah 6 orang ketua2 penyelia yang ditempatkan di-Brunei (2), Tutong, Temburong dan Belait (2).

Kematian isteri di-Sungai Tutong

TUTONG. — Sa-orang Melayu pekerja sharikat minyak Brunei Shell di-Seria, Inche Tuah bin Mahmud telah di-bawa ka-rumah sakit Bandar Brunei dalam minggu lepas untuk di-rawat sa-telah motokarnya terjerumus ka-dalam Sungai Tutong.

Isteri-nya, Fatimah binti Mat, telah mati dalam kemalangan yang berlaku di-jambatan Tutong itu.

Anak gadis mereka, Seiyah binti Tuah yang bersama dalam kereta itu dapat berenang ka-darat meminta pertolongan.

Sa-belah kaki-nya telah patah dan ia sekarang di-rawat di-rumah sakit.

Inche Tuah di-katakan dalam perjalanan dari Seria ka-Brunei pada masa mendapat kemalangan itu.



Penuntut2 dari negeri2 commonwealth termasuk Inche Awang Hussin bin Orang Kaya Digadong yang menuntut ilmu pertadbiran di-South Devonshire Technical College, England telah menghadiri suatu meshuarat Majlis Luar Bandar Devonshire baharu2 ini. Inche Hussin kelihatan di-barisan hadapan selang sa-orang di-sabelah kiri pengurus majlis tersebut.

Awang Hussin ia-lah juga sa-orang ahli jawatan kuasa Persatuan Penuntut2 Brunei di-United Kingdom. Persatuan itu baharu2 ini telah melantek Inche Zakaria bin Hj. Sulaiman sa-bagai setiausaha dan Inche Adenan bin Haji Abu Bakar sa-bagai penolong setiausaha.

HUKUMAN MELINDONGI ORANG2 YANG MASOK SA-CHARA HARAM

BANDAR BRUNEI.—Dua orang China yang bekerja sa-bagai kontraktor P.W.D. dan pekebun sayur telah di-denda sa-banyak \$500 ringgit sa-orang, dan jika tidak di-bayar enam minggu penjara, oleh Stipendiary Magistrate, Tuan R.G.P.N. Combe kerana melindongi dua orang yang masuk sa-chara haram ka-Brunei pada malam 19 February tahun ini.

Mereka ia-lah Lau Swee Ching dan Lau Chik Sing yang telah di-tudoh melindongi Cheung Chee Heung dan Cheung Tat Mun yang bekerja sa-bagai khelasi dalam kapal perniagaan Hongkong, Lian Hin, yang mereka telah tinggalkan sa-masa di-Brunei.

Sa-bagai membela diri-nya, Swee Ching berkata bahawa ia-nya chuma menchuba menolong khelasi2 itu ketika mereka meminta kapada-nya untuk mencharikan kerja.

Yang di-tudoh yang kedua, Chik Seng berkata bahawa pada 18 February tatkala sedang bekerja di-kebun-nya, Swee Ching datang bertemu dengan-nya di-batu 18, dan bertanya kapada-nya ada-kah ia mahu menggunakan orang untuk bekerja di-ke-

bun-nya. Pada malam itu sa-buah taxi telah membawa dua orang ka-rumah-nya.

Pada malam itu juga kata Chik Sing ia-nya pergi ka-Kampung Kianggeh bersama2 dua orang itu dengan sa-buah kereta sewa dan di-sana ia telah bertemu dengan Swee Ching.

Kemudian ia-nya telah di-min-ta pergi bersama2 orang2 itu ka-Limbang dan ia-nya bersetuju.

Tatkala menjatuhkan hukuman kapada kedua2 yang di-tudoh itu Tuan Combe berkata: ‘Hukuman yang sa-habis2 tinggi atas kesalahan ini ia-lah penjara 6 bulan dan/atau denda sa-banyak \$2,000

Lawatan pegawai radio Kerajaan Vietnam

BANDAR BRUNEI. — Tuan Buu Nghi, Pengarah Rancangan Radio Vietnam telah berkunjung ka-Brunei pada hujung bulan lepas dengan anjoran Jabatan Penerangan Kerajaan British.

Beliau telah berada di-sini selama dua hari.

Sa-lain dari melawat ka-Brunei Jabatan itu telah juga menguruskan lawatan Tuan Buu ka-Sarawak.

Dalam satu kenyataan Tuan Buu berkata bahawa Brunei mempunyai perkhidmatan radio yang baik.

LAWATAN PEGAWAI BRITISH DAN AMERIKAN DARI SINGAPURA

BANDAR BRUNEI.—Sa-orang pegawai dari pejabat Pesuruh Jaya Agong British di-Singapura dan sa-orang pegawai dari pejabat Konsul Agong Amerikan di-Singapura telah sampai di-Brunei pada hari Juma’at lepas.

Mereka itu datang kerana melihat keadaan di-kawasan2 British di-Borneo.

Tuan Graham KcKelbey dari pejabat Pesuruh Jaya Agong British berkata bahawa beliau mengutamakan keadaan buroh manaka Tuan William Donnett dari pejabat Konsul Agong Amerikan pula berkata bahawa be-

beliau mengutamakan perniagaan.

Mereka itu telah berlepas ka-Seria, Kuala Belait sa-telah singah beberapa jam di-Brunei.

Di-Seria mereka telah di-sambut oleh Pesuruh Jaya Buroh Brunei, Yang Berhormat Tuan D. B. Petherick dan pemangku Pengelola Kastam, Tuan Teo Kim aYu.

KEWAJIPAN TIDAK MENGGANGGU KERJA KEBAJIKAN

BANDAR BRUNEI.—Sa-orang perempuan juruhebah Radio Brunei bahagian Melayu tidak keberatan mengambil bahagian dalam pergerakan2 kebaajikan sambil menjalankan kewajipan2 sa-bagai sa-orang juruhebah.

Dayangku Intan binti Pengiran Apong telah masok berkhidmat dengan Radio Brunei dalam tahun 1957 pada masa pejabat itu di-tubuhkan.

Semenjak itu suara-nya adalah di-nanti2 di-udara oleh peminat2 Radio Brunei bahagian Melayu di-seluruh negeri.

Dengan latehan yang di-dapatinya di-Kuching, Sarawak dan selepas itu di-beberapa buah station radio di-Malaya Dayangku Intan telah menjadi sa-orang juruhebah pujaan di-Brunei.

Walau pun kewajipan sa-orang juruhebah itu banyak dan memerlukan masa tetapi Dayangku Intan tidak kurang giat-nya men-champori pergerakan2 kebaajikan.

Ia mengambil berat dalam hal ahwal persuratan, kebudayaan, kesusasteraan dan lain2 pergerakan untuk kebaajikan masyarakat.

Dayangku Intan sangat chergas dalam pergerakan persatuan palar merah Brunei dan telah mewakili persatuan itu dalam temasha perjumpaan pemuda pemudi di-Hongkong dalam tahun 1957.

“Dari perjumpaan itu saya telah mempelajari chara2 pergaulan dan berbagai2 ienis pertolongan yang perlu di-berikan oleh

pemuda pemudi,” kata Dayangku Intan.

Di-lahirkan di-Kianggeh, Bandar Brunei 22 tahun dahulu Da-



Dayangku Intan binti Pengiran Apong.

yangku Intan telah mendapat pendidekan di-Sekolah Melayu dan sekolah Ingeris Sultan Omar Ali Saifuddin.

Sa-baik sahaja permohonannya hendak bekerja di-Pejabat Radio yang baharu di-tubuhkan

itu di-persetujukan Dayangku Intan pun di-hantar ka-Kuching untok mendapat latehan permulaan.

Dua orang dari pegawai2 itu maseh menjadi rakan sa-jawat Dayangku Intan. Mereka ialah Pengiran Mohamed bin Pengiran Damit, ketua studio Kuala Belait dan Inche Abu Bakar bin Ahmad, di-studio Brunei.

Ia pergi ka-Kuching bersama tiga orang pegawai lain yang di-

chadangkan untok berkhidmat di-Pejabat Radio.

Dayangku Intan telah mendapat pengalaman yang banyak dari latehan di-Kuching dan Malaya.

Ketika di-tanya sama ada ia berchadang hendak berkhidmat terus dengan Radio Brunei Dayangku Intan menjawab :

“Saya sangat suka pada tugas saya, Saya harap akan mendapat latehan yang lebeh lanjut lagi di-BBC London, kelak.”

Sa-lain dari menumpukan tenaga-nya kepada Radio Brunei dan pergerakan2 kebaajikan Dayangku Intan juga mengambil berat dalam urusan rumah tangga.

Ia pandai jahit menjahit, sulam menulam dan memasak.

Ia juga tidak ketinggalan membaca buku2 yang berguna masa kelapangan-nya — (ZA).

WANITA, LAKI2 SAMA PANDAI

BANDAR BRUNEI. — Banyak orang berpendapat bahawa perempuan itu lemah otak dan fikirannya kalau di-bandingkan dengan kaum laki2.

Sama ada tuduhan ini benar atau tidak telah di-jelaskan oleh beberapa orang mahaguru. Sa-orang daripadanya Professor Heymans berkata :

“Ada-lah otak wanita itu sama tajam-nya dengan otak kaum laki2”.

Tetapi mengapa pula sangat sedikit bilangan kaum wanita yang dapat menchapai jawatan2 yang tinggi dalam sa-sabua negeri pada hal otak dan fikirannya mereka sama dengan laki2.

Di-masa2 yang telah lampau kaum wanita tidak di-beri kesempatan menduduki bangku sekolah. Mereka itu dikongkong oleh adat2 yang kolot.

Ibu bapa pada masa itu per-chaya bahawa jika anak2 perempuan mereka pandai menulis dan membaca kelak mereka akan menjadi jahat.

Keperchayaan itu bertentangan dengan ugama yang tidak menyekat laki2 dan perempuan menuntut ilmu.

Kaum wanita hendaklah di-asoh dengan adab sopan dan di-beri sama hak saperti kaum laki2. Dengan jalan ini mereka akan dapat menchapai apa jua yang dilaksanakan oleh kaum laki2.

Kesedaran ibu bapa dalam hal pendidekan ini ada-lah nyata dari angka2 perkembangan pelajaran di-negeri ini.

Kalau zaman sa-belum perang kedua, anak2 gadis ta' sampai 50% di-beri pelajaran, tetapi pada masa ini anak2 perempuan yang belajar di-sekolah2 telah meningkat angka-nya dari sa-masa kasamasa. (M. Samsinah).

UMPAT MENGUMPAT ADA-LAH KEJI DAN MEMBAHAYAKAN MASHARAKAT

BANDAR BRUNEI.—Satu dari kesukaan kaum wanita Melayu ia-lah mengumpat dan mencheritakan hal orang lain. Mereka menghabiskan masa berbual2 membinchangkan hal yang tidak kena mengena dengan diri mereka.

Mengumpat ada-lah tabiat yang keji di-sisi masyarakat dan bertentangan dengan ugama.

Ia juga mendatangkan bahaya kepada sa-saorang lebeh2 lagi jika apa yang di-cheritakan itu tidak benar.

Guru bahasa Inggeris dari Malaya

BANDAR BRUNEI. — Dua orang guru bahasa Inggeris telah datang dari Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura baharu2 ini untok mengajar di-sekolah2 Inggeris di-negeri ini.

Mereka itu ia-lah Tuan S. Jebaratnam, sa-orang bekas guru di-High School, Klang dan Puan Tan Jick Wah yang dahulu mengajar di-sekolah petang Methodist Paya Lebar, Singapura.

Guru2 itu akan berkhidmat dengan kerajaan mengikut tempoh yang tertentu di-bawah perjanjian perkhidmatan.

Perkara yang sa-demikian itu sudah tentu akan membawa kapada perkelahian antara satu sama lain.

Ini bukan sahaja merugikan masyarakat malah akan merugikan diri sendiri. (AAA)



Sa-bahagian dari para pennuntun bintang radio Kuala Belait yang di-adakan di-dewan Pejabat Penerangan, Kuala Belait baharu2 ini.

Keputusan peraduan tinju amateur

SERIA. — Ahli2 tinju dari Seria dan Belait telah mengalahkan ahli2 tinju dari Bandar Brunei dengan tujuh perlawanan berbalas empat.

Satu lagi perlawanan yang di-adakan pada malam itu ia-lah antara dua orang ahli tinju dari Seria.

Perlawanan tersebut telah dilangsungkan di-Padang Marina, Seria baharu2 ini kerana mengutip derma untuk rumah orang tua, Seria.

Tuan2 Palaniandy dan Bruno Guibarra telah mengadakan perlawanan tersebut.

Penggemar2 tinju, dari Seria, Belait Bandar Brunei, Lutong dan Miri telah menyaksikan perlawanan itu.

Hadih2 kepada peserta2 yang berjaya telah di-sampaikan oleh Pesuruh Jaya Tinggi British di-Brunei, Yang Terutama Tuan D.C. White.

Keputusan-nya ada-lah seperti berikut :—

Light fly-weight: Johnis Damit (Seria-Belait) mengalahkan Dominic Leong (Bandar Brunei), Ali Noor (Seria-Belait) mengalahkan Awang Latip (Bandar Brunei).

Fly-weight: Robert Teo (Seria-Belait) mengalahkan Yunus (Bandar Brunei), Mathew Samy (Seria-Belait) mengalahkan Timbang (Bandar Brunei).

Bantam-weight: Joseph Chin (Bandar Brunei) mengalahkan Chong Ah Li (Seria-Belait), Tony Samy (Seria-Belait) mengalahkan S.M. Yusop (dari Seria-Belait juga).

Feather-weight: Alfred Lim (Seria-Belait) mengalahkan Johnny Shim (Bandar Brunei).

Light-weight: Awang Rashidi (Bandar Brunei) mengalahkan M.A. Rahman (Seria-Belait), Yahya (Bandar Brunei) mengalahkan Musa Malik (Seria-Belait — dengan pukulan jatoh), Abu Bakar (Bandar Brunei) mengalahkan Karim Othman (Seria-Belait) mengalahkan Ladis (Bandar Brunei).

Welter-weight: George Ng

(Seria-Belait) mengalahkan Awang Sulaiman (Bandar Brunei).

Hadih2 untuk peserta yang kalah yang telah berlawanan dengan baik sa-kali telah di-menangi oleh Yunus dari Bandar Brunei.

Setiausaha baharu persatuan bela sepak

KUALA BELAIT.—Persatuan Brunei State Amateur Football Association telah melantik Pengiran Puteh menjadi setiausaha-nya menggantikan Tuan E. W. Howell yang telah meninggalkan Brunei baharu2 ini.


Pengiran Puteh ia-lah kapitan pasukan bola sepak KBRC, Kuala Belait.

Pasukan itu nampak-nya akan memenangi piala Higgins yang di-rebutkan oleh pasukan2 bola sepak dalam league bahagian pertama.

Piala itu telah di-menangi oleh KBRC dalam perlawanan tahun lepas.

Sama ada KBRC akan memenangi perisai McKeron belum lagi dapat dipastikan.

Sa-kurang2-nya lima pasukan dari Brunei turut mengambil bahagian dalam tahun ini kerana merebutkan perisai tersebut dan sa-lain dari KBRC pasukan PWD (Belait) juga berharap akan memenangi perisai itu bagi tahun ini.



Pesuruh Jaya Agong British di-Malaya, Sir Geofroy Tory telah mengunjungi tukang2 perak Melayu di-Kampung Ayer dalam lawatan beliau ka-Brunei dalam minggu lepas.

Beliau telah di-sambut oleh Pehin Maharaja Diraja Abdul Rahman bin Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Mohamed Taha.

NYANYIAN DAN TARIAN MELAYU ASLI AKAN JUGA DI-ADAKAN

(Dari muka 3)

layu, dan pancharagam Suria Kenchana.

Biduan2 yang telah di-pilih masuk bertanding dalam peraduan akhir Bintang Radio Seluruh Negeri Brunei, ada-lah penyanyi2 yang terkenal belaka.

H.B. Adnani ia-lah sa-orang anggota pancharagam polis Brunei. Mohamed Ali Haji Paun ia-lah penolong ketua pancharagam Seria Recreation Club, H.M. Allen biasa menyandang gelaran johan menyanyi di-Bandar Brunei, manakala Alias pula ia-lah sa-orang ahli dari pasukan Polis Malaya di-Seria.

Sa-lain dari peraduan menyanyi akan juga di-adakan lawak jenaka nyanyian suka ramai, tari2 Melayu asli dan lain hiburan pada malam itu.

Peraduan tersebut akan di-mulakan pada pukul 7.30 malam 30 March.

Orang ramai yang tidak dapat

menyaksikan peraduan itu didewan Civic Centre akan dapat mendengarnya melalui Radio Brunei.

Pertandingan hockey bulan hadapan

SERIA. — Pertandingan hockey bagi pasukan2 di-daerah Belait anjoran Majlis Sukan Daerah Belait akan di-adakan dimulakan dalam bulan hadapan.

Dalam bulan hadapan juga kan di-mulakan pertandingan hockey pukul mati kerana merebutkan piala Wernham.

Pertandingan itu terbuka kepada sekolah2 dan persatuan2 di-daerah Belait.

Permintaan masuk bertanding hendak-lah di-kiriskan kepada setiausaha Belait District Sports Club c/o Trades School, B.S.P., Seria.

GERAKAN MENAMAN SEMANGAT MENJADI DRIVER YANG BAIK

BANDAR BRUNEI. — Pemandu2 kereta, laki2 dan perempuan dari seluruh Brunei akan masuk bertanding dalam perlumbaan motokar di-kawasan Seria dan Belait pada 27 March ini.

Perlumbaan itu akan di-anjorkan oleh Lembaga Keselamatan Jalan Raya Daerah Belait dan Brunei Motor Club.

Kereta2 yang mengambil bahagian akan berlepas dari tempat menyimpan kereta2 di-Jalan Ke-

nanga, Seria pada pukul 3.30 petang hari tersebut dan akan tamat di-kawasan Buala Belait Recreation Club.

Ini ia-lah satu dari acara dalam gerakan "Jadi-lah sa-orang pemandu yang baik" yang di-anjorkan oleh lembaga itu.

Gerakan itu akan di-mulakan dengan peraduan bertertib pada petang itu oleh Ratu Keselamatan Jalan, Constance D'Costa.

Peraduan itu terbuka kepada semua driver yang berlesen. Tiada bayaran di-kenakan kerana memasoki peraduan.

Sa-orang daripada ahli2 jawatan kuasa gerakan itu Tuan J.B. Cooke berkata :

"Tujuan mengadakan peraduan itu ia-lah untuk mengekalkan kebiasaan mempunyai tertib atau budi bahasa bagi pemandu2 kereta yang melalui jalan2 yang di-tentukan kira2 40 batu jauh-nya.

Pasukan rugby tentera

SERIA. — Satu perlawanan rugby yang hebat telah di-saksikan di-seria baharu2 ini manakala pasukan champonan Seria-Miri telah mengalahkan pasukan Tentera Udara Diraja British di-Timor la... an dengan 16 mata berbalas 8 mata.

PERLAWANAN UNTUK MENENTUKAN JOHAN TENNIS NEGERI BRUNEI

SERIA. — Perlawanan tennis bagi merebutkan gelaran johan seluruh Negeri Brunei akan di-mulai pada April 1 hadapan.

Perlawanan itu ada-lah di-bahagikan kepada dua bahagian, ia-lah perlawanan sa-orang dan dua orang.

OCPD balek dari chuti

BANDAR BRUNEI. — Pengiran Jaya, Penolong Superintendent Polis yang telah berchuti sa-lama dua bulan telah memegang sa-mula jawatan-nya sebagai O.C.P.D. Brunei.

Sa-masa beliau berchuti jawatan itu di-pangku oleh Tuan Stephen Liew, Penolong Superintendent Polis, Kuala Belait.

Orang2 di-Seria yang suka hendak masuk bertanding boleh-lah membuat perhubungan dengan Tuan T.K. Das di-Pejabat Buroh, Brunei Shell Petroleum Company Limited atau Tuan P.L. Trenti di-Pejabat Jurutera sharikat minyak tersebut.

Orang2 di-Bandar Brunei boleh-lah berhubung dengan Tuan T. Mackie di-Pejabat Imigresen.

Tarikh yang akhir sa-kali bagi menerima permohonan itu ia-lah March 19.

10,000 TERBUNOH AKIBAT GEMPA BUMI

AGADIR (Morocco). — Sa-kurang2nya 10,000 orang telah mati terbunuh akibat gempa bumi yang telah berfaku di-sini dalam minggu lepas.

Gempa itu telah meranapkan bandar Agadir yang di-anggarkan mempunyai 50,000 orang penduduk lebeh kurang. Hanya beberapa buah bangunan sahaja kelihatan maseh berdiri.

Tapak bandar yang telah ranap itu mungkin di-jadikan stadium, padang lumba kuda, kolam berenang dan padang permainan.

Sa-takat ini lebeh 4,000 mayat telah di-pindahkan ka-rumah sakit. Kerja menchari kira2 6,000 mayat lagi yang tertimbus di-bawah runtohan2 bangunan maseh berjalan.

Langkat menchegeh penyakit mengancham penduduk2 yang telah di-pindahkan ka-suatu kawasan yang berhampiran telah di-ambil.

Ubat sedang di-terbangkan ka-

PENYATUAN USAHA MENYELIDEK GETAH ASLI

KUALA LUMPUR. — Sir Geoffrey Clay, Pengarah Jabatan Penyelidikan Getah berkata bahwa kerajaan Persekutuan Tanah Melayu akan membelanjakan wang sa-banyak \$12,400,000 untuk rancangan penyelidikan getah asli bagi tahun ini.

Jumlah ini ada-lah lebeh kurang \$4,000,000 lebeh dari yang biasa di-belanjakan dalam tiap2 tahun yang lepas di-bawah rancangan penyelidikan getah.

Sir Geoffrey berkata bahwa dalam masa lima tahun yang akan datang ada-lah mustahil bagi getah asli memenohi keperluan dunia, melainkan langkah2 yang tertentu di-ambil terhadapnya.

Beliau telah memberi gambaran atas rancangan untuk menyatukan tenaga empat buah lembaga getah di-London dengan sa-buah yang di-Malaya supaya kesemua-nya dudok di-bawah kuasa Perusahaan Malaya.

Antara lain2 perkara dalam rancangan itu ia-lah bahwa jawatankuasa penyelidikan antara bangsa2 akan di-satukan dengan jawatankuasa penyelidikan dan kemajuan untuk menjadi sa-buah pertubohan yang di-namakan Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Getah antara bangsa2.

Ada-lah di-nyatakan bahwa rancangan baharu yang tegas ini akan memberi kepada perusahaan getah Malaya dan juga kerajaan-nya, kuasa penuh atas kerja2 penyelidikan getah asli.

bandar itu dengan tidak berhenti2 siang dan malam dengan kapal terbang.

Kapal2 terbang itu juga membawa bekalan2 makanan, roti, tepung dan kain selimut serta kain2 khemah.

Bandar yang telah ranap itu akan di-bena sa-mula tetapi di-suatu tapak baharu di-sabwah kawasan yang kukuh di-selatan bandar lama.

Bentuk bandar baharu itu sedang di-reka dan akan di-namakan New Agadir atau Agadir Baharu.

Sharat bagi kanak2 Melayu dapat pelajaran perchuma

SINGAPURA. — Menteri Pelajaran Singapura, Tuan Yong Nyuk Lin berkata bahwa hanya kanak2 Melayu yang di-lahirkan di-Singapura atau ibu bapa mereka ra'ayat Singapura sahaja akan mendapat pelajaran perchuma di-sekolah2 menengah.

Tuan Yong menjelaskan dasar kerajaan terhadap pemberian pelajaran perchuma kepada anak2 Melayu.

Beliau berkata bahwa ada-lah di-anggarkan ada 4,700 orang murid2 Melayu sedang belajar di-darjah2 tinggi di-sekolah2 rendah dan di-sekolah2 menengah yang menggunakan bahasa Inggeris dan Melayu.

Tuan Yong telah beruchap tatkala menjawab satu soalan dari sa-orang Melayu ahli majlis meshuarat yang bertanyakan anggaran belanjawan atas pelajaran perchuma itu.

Tuan Yong berkata bahwa rancangan pelajaran perchuma di-sekolah2 menengah untuk murid2 Melayu ini, tidak-lah termasuk buku2 pelajaran perchuma dan bayaran2 bagi pelajaran2 tambahan.

Dalam pada itu Perdana Men-

teri Singapura, Tuan Lee Kuan Yew memberi tahu Majlis Meshuarat Undangan bahwa ada-lah mustahil untuk menentukan bila-kah bahasa Melayu boleh di-gunakn sa-bagai bahasa rasmi yang tunggal untuk Singapura.

Beliau telah menjawab satu pertanyaan yang di-kemukakan oleh sa-orang ahli pembangkang yang bertanya ada-kah bahasa Melayu boleh menggantikan bahasa Inggeris sa-bagai bahasa rasmi dalam pertadbiran kerajaan, dan sa-kira-nya boleh bila-kah masa-nya.

Tuan Lee yang biasa-nya beruchap dalam bahasa Inggeris dalam meshuarat2 perundangan telah memberi jawapan-nya dalam bahasa Melayu.

"Hingga bahasa Melayu sudah benar2 di-fahami dan di-kuasai oleh kakitangan2 kerajaan dan ahli2 majlis meshuarat negeri, maka ada-lah tidak praktik untuk menhadangkan bahasa Melayu sa-bagai bahasa rasmi yang tunggal.

SOEKARNO BUBARKAN PARLEMEN

JAKARTA. — Presiden Sukarno telah membubarkan parlemen Indonesia.

Dalam satu pengumuman yang mengejut, Presiden itu berkata bahwa ia mengambil langkah ini kerana parlemen tidak bekerjasama dengan kerajaan sa-bagaimana yang di-harapkan.

Beliau berkata bahwa kedudukan parlemen yang ada sekarang ini akan membahayakan negara dan raayat.

Pembubaran ini di-lakukan tatkala parlemen Indonesia maseh memegang satu daripada kuasa2 besar, ia-itu menchecham rancangan2 belanjawan negara, yang di-benarkan kapada-nya dalam tindakan Presiden Sukarno melaksanakn "Demokrasi terpimpin-nya."

Dalam pembahathan atas belanjawan negara bagi tahun 1960, rancangan kewangan kerajaan telah di-bidas oleh semua pihak dalam parlemen.

Malaya besarkan lapangan terbang

KUALA LUMPUR. — Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu telah menyediakan plan yang memakan belanja sa-banyak \$10 juta untuk membesarkan lapangan terbang internasional Kuala Lumpur.

Kerajaan telah membeli tanah untuk memesongkan landasan kereta api yang menghalang pelanchar lapangan terbang itu di-sabwah selatan.

Apabila siap kelak lapangan itu akan menjadi lapangan terbang yang baik sa-kali di-Tenggara Asia. Kapal2 terbang yang besar sa-kali termasuk kapal terbang penumpang jenis jet akan turun di-Kuala Lumpur.

Oleh sebab rancangan itu di-sifatkan mustahak, Perdana Menteri Persekutuan, Tengku Abdul Rahman sendiri akan memberi perhatian atas pelaksanaan-nya.

Rancangan membesarkan lapangan itu memerlukan :

- ◆ pelanchar yang 6,200 kaki panjang itu dipanjangkan lagi sa-banyak 3,000 kai,
- ◆ menambah alatan menjamin keselamatan terbang malam, dan
- ◆ membesarkan bangunan lapangan terbang dan menambah kemudahan2 bagi para pelanchar.

CHINA DUDOKI 12,000 PERSEGI BATU KAWASAN INDIA — NEHRU

NEW DELHI — Perdana Menteri India, Tuan Nehru berkata baharu2 ini bahwa China telah mendudoki sa-luas 12,000 batu persegi kawasan India.

Tuan Nehru memberi keterangan itu dalam jawapan kapada soal yang telah di-kemukakan dalam Parleman India.

Beliau berkata bahwa ada-lah sukar hendak di-tentukan dengan tepat-nya berapa-kah luas-nya kawasan yang telah di-dudoki sa-chara haram oleh China.

"Tetapi kawasan yang di-dudoki oleh tentera China itu ia-lah 12,000 persegi batu lebeh kurang," kata Tuan Nehru

Apabila di-tanya sama ada perubahan telah berlaku dalam suasana Tuan Nehru berkata keadaan ada-lah saperti dahulu.

Sa-panjang yang di-ketahui tula perubahan telah berlaku da-

lam masa tujuh atau delapan bulan ini, kata Tuan Nehru.

Keperchayaan Presiden

JAKARTA — Presiden Soekarno berkata bahwa beliau perchaya kapada Angkatan Udara Indonesia.

Presiden itu beruchap sa-telah sa-orang pemandu kapal terbang Indonesia membedil Istana Presiden pada 9 March.